A. PENGAYAAN KOSA KATA

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian lengkapkan dengan **kata yang sesuai sekali**.

worry

_____[1]_____ (=*kekhuatiran; kerisauan*) anggota masyarakat terhadap keselamatan anak-anak mereka tatkala berada di luar rumah memang berasas. Hal ini dikatakan demikian kerana kes kehilangan kanak-kanak dan remaja selain kes penculikan dan pembunuhan golongan ini semakin kerap berlaku. Oleh sebab kejadian ini semakin_____[2]_____(= *banyak berlaku di merata tempat*), terdapat segelintir anggota masyarakat yang _____[3]_____(= *menuduh;menyalahkan*) kepada pihak berkuasa. Hal ini tidak seharusnya berlaku kerana insan yang paling dekat dengan anak-anak ialah ibu bapa sendiri. Hal ini bermaksud bahawa ibu bapalah yang sepatutnya _____[4]_____ (=*melaksanakan; menjalankan; memainkan*) peranan dan tanggungjawab mereka dalam hal ini.

1. **A.** Kebimbangan
B. Kegusaran
C. Keruncingan
D. Kecemasan

2. **A.** rebak
B. leluasa
C. tular
D. meluas

3. **A.** menunjuk jari
B. mengarah jari
C. menuding jari
D. menuju jari

4. **A.** memegang
B. menjunjung
C. membimbit
D. menating

B. KESALAHAN SISTEM BAHASA

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, **Kenal pasti** *dan* **garisi** *kesalahan bahasa, kemudian* **tulis** *jawaban pada ruang yang disediakan.*

[1] Peranan terpenting yang perlu ibu bapa laksanakan ialah pewujudan kewaspadaan dalam diri mereka sendiri. **[2]** Hal ini bermaksud bahawa ibu bapa tidak wajar biarkan anak-anak mereka terutamanya yang berusia di bawah 12 tahun, berada di luar rumah tanpa pengawasan orang dewasa. **[3]** Mereka juga tidak sepatutnya menugaskan anak-anak pada peringkat usia itu untuk pergi kedai, ke rumah jiran, dan sebagainya tanpa ditemani orang dewasa. **[4]** Hal ini dikatakan demikian kerana perbuatan itu mendedahkan anak anak ini kepada pelbagai kejadian-kejadian yang tidak diingini. **[5]** Berlakunya beberapa kejadian kehilangan kanak-kanak mutakhir ini adalah berpunca daripada ketidakwaspadaan ibu bapa tentang hai ini. **[6]**

Tegasnya, ibu bapa harus memiliki kewaspadaan demi mempastikan keselamatan anak-anak mereka di luar rumah.

SALAH		BETUL
1.	ibu bapa laksanakan	dilaksanakan (oleh) ibu bapa
2.	biarkan	membiarkan
3.	pergi kedai	pergi ke kedai
4.	pelbagai kejadian-kejadian	pelbagai kejadian
5.	adalah berpunca	berpunca
6.	mempastikan	memastikan

~~bahasa Melayu --> memukul/ memaksa~~
bahasa nusantara --> mempamerkan
bahasa Inggeris --> memproseskan

C. KESALAHAN EJAAN

Dalam petikan di bawah terdapat beberapa banyak **kesalahan ejaan**. *Kemudian* **kenal pasti, garisi**, *dan* **betulkan kesalahan-kesalahan ejaan**.

Selain itu, ibubapa perlu menggawasi pergaulan anak-anak mereka diluar rumah, khususnya anak-anak yang berusia remaja. Dalam hal ini, ibubapa patut mengenalpasti atau menyelidik segala aspek latarbelakang kawan-kawan anak-anak mereka. Sebagai contohnya, ibu-bapa haruslah mengetahui kediaman rakan anak-anak mereka serta latarbelakang persekolahan dan tahap displin rakan anak-anak mereka. Melalui cara ini, ibubapa dapat mempastikan anak-anak mereka berada dalam keadaan selamat ketika berada dalam kumpulannya serta tidak terlibat dalam kumpulan gangster atau berpotensi untuk menjadi mangsa culik kumpulan ini. Tegasnya, apabila anak-anak mengetahui bahawa ibubapa sering mengambilberat tentang pergerakkan mereka, mereka akan lebih berhati-hati untuk memilih kawan malah mereka juga akan lebih berhati-hati untuk melibatkan diri dalam sesuatu aktiviti.

SALAH		BETUL	SALAH		BETUL
1.	ibubapa	ibu bapa	7.	displin	disiplin
2.	menggawasi	mengawasi	8.	mempastikan	memastikan
3.	diluar rumah	di luar rumah	9.	gangster	gengster
4.	mengenalpasti	mengenal pasti	10.	mengambilberat	mengambil berat
5.	latarbelakang	latar belakang	11.	pergerakkan	per.gerak.an
6.	ibu-bapa	ibu bapa	12.		

D. ASPEK SINTAKSIS: AYAT AKTIF TRANSITIF DAN AYAT PASIF TRANSITIF

Berdasarkan petikan di bawah inI, tukarkan ayat-ayat bergaris kepada **ayat aktif transitif** *tanpa mengubah maksud asalnya.*

mengajarkan

Selain itu, **[1]** asas-asas penjagaan keselamatan diri perlu diajarkan kepada anak-anak mereka. Usaha ini perlu dilakukan supaya anak-anak menyedari keselamatan diri mereka pada zaman yang penuh mencabar ini. Sebagai contohnya, mereka hendaklah diingatkan supaya berjaian secara berkumpulan, tidak melayan orang yang tidak dikenali, dan sebagainya. Di samping itu, **[2]** anak-anak perlu dibekali cara-cara untuk menyelamatkan diri oleh ibu bapa. Dalam hal ini, **[3]** saranan peribahasa, iaitu sediakan payung sebelum hujan haruslah dihayati ibu bapa. Caranya adalah dengan menghantar anak-anak mereka mendalami seni pertahanan diri seperti silat, tae kwan do, karate, dan sebagainya. Dengan membekalkan pengetahuan tentang penjagaan serta pertahanan diri, ancaman terhadap keselamatan anak-anak di luar rumah dapat diminimumkan oleh masyarakat.

1. Ibu bapa perlu mengajarkan asas-asas penjagaan keselamatan diri kepada anak-anak mereka.

2. Ibu bapa perlu membekali anak-anak cara-cara untuk menyelamatkan diri.

3. Ibu bapa haruslah menghayati saranan peribahasa, iaitu sediakan payung sebelum hujan.

4. Masyarakat dapat meminimumkan ancaman terhadap keselamatan anak-anak di luar rumah.

E. PENULISAN: MEMBUAT RUMUSAN

Tema petikan: _____

Fokus petikan: _____

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan petikan tersebut, tulis satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi **100 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

> Kekhuatiran anggota masyarakat terhadap keselamatan anak-anak mereka tatkala berada di luar rumah memang berasas. Hal ini dikatakan demikian kerana kes kehilangan kanak-kanak dan remaja selain kes penculikan dan pembunuhan golongan ini semakin kerap berlaku. Oleh sebab kejadian ini semakin menjadi-jadi, ibu bapa sepatutnya memainkan peranan dan tanggungjawab mereka dalam hal ini.

Fokus --> punca / faktor / kepentingan / kebaikan / manfaat / faedah /peranan / tanggungjawab / kesan / halangan / kekangan /

Peranan terpenting yang perlu dilaksanakan ibu bapa ialah pewujudan kewaspadaan dalam diri mereka sendiri. Hal ini bermaksud bahawa ibu bapa tidak wajar membiarkan anak-anak mereka, terutamanya yang berusia di bawah 12 tahun, berada di luar rumah tanpa pengawasan orang dewasa. Mereka juga tidak sepatutnya menugaskan anak-anak pada peringkat usia itu untuk ke kedai, ke rumah jiran, dan sebagainya tanpa ditemani orang dewasa.

Selain itu, ibu bapa perlu mengawasi pergaulan anak-anak mereka di luar rumah, khususnya anak-anak yang berusia remaja. Dalam hal ini, ibu bapa patut mengenal pasti atau menyelidik segala aspek latar belakang kawan-kawan anak-anak mereka. Sebagai contohnya, ibu bapa haruslah mengetahui kediaman rakan anak-anak mereka serta latar belakang persekolahan dan tahap disiplin rakan anak-anak mereka. Melalui cara ini, ibu bapa dapat memastikan anak-anak mereka berada dalam keadaan selamat ketika berada dalam kumpulannya serta tidak terlibat dalam kumpulan gengster atau berpotensi untuk menjadi mangsa culik kumpulan ini.

Selain itu, asas-asas penjagaan keselamatan diri perlu diajarkan kepada anak-anak mereka. Usaha ini perlu dilakukan supaya anak-anak menyedari keselamatan diri mereka pada zaman yang penuh mencabar ini. Sebagai contohnya, mereka hendaklah diingatkan supaya berjaian secara berkumpulan, tidak melayan orang yang tidak dikenali, dan sebagainya. Di samping itu, ibu bapa hendaklah menghantar anak-anak mereka mendalami seni pertahanan diri seperti silat, tae kwan do, karate, dan sebagainya. Dengan membekalkan pengetahuan tentang penjagaan serta pertahanan diri, ancaman terhadap keselamatan anak-anak di luar rumah dapat diminimumkan oleh masyarakat.

Sesungguhnya, ibu bapalah yang bertanggungjawab penuh dalam usaha memastikan keselamatan anak-anak mereka di luar rumah. Sudah sampai masanya ibu bapa melaksanakan pengawasan yang ketat terhadap anak-anak mereka oleh sebab ancamam bahaya semakin meningkat dari hari ke hari.

Rumusan membincangkan peranan / tanggungjawab ibu bapa dalam usaha menjaga keselamatan anak-anak.

Antara peranan ibu bapa ialah pewujudan kewaspadaan dalam diri mereka sendiri.

Mereka tidak wajar membiarkan anak-anak mereka berada di luar rumah tanpa pengawasan orang dewasa.

Selain itu, ibu bapa tidak sepatutnya menugaskan anak-anak pada peringkat usia itu untuk ke kedai, ke rumah jiran, dan sebagainya tanpa ditemani orang dewasa.

Bahkan, mereka perlu mengawasi pergaulan anak-anak mereka di luar rumah.

Mereka juga patut mengenal pasti atau menyelidik segala aspek latar belakang kawan-kawan anak-anak mereka.

Kesimpulannya, ibu bapa perlu mengambil berat keselamatan anak-anak agar/supaya kesejahteraan anak-anak terjamin.

[92 patah perkataan)

Fokus Karangan

Salam hormat. Pada kali ini, kita akan membincangkan aspek yang penting dalam penulisan karangan yang bertemakan **"Integriti"**. Perkataan "integriti" membawa maksud kejujuran, keadaan sempurna dan utuh, dan keutuhan. Tema ini terkandung dalam buku teks yang dipelajari di sekolah dan merupakan satu tema yang penting untuk dikuasai dengan sebaik-baiknya dalam pelbagai konteks kemahiran bahasa. Tema ini merangkumi nilai positif dan amalan terpuji yang perlu diamalkan dalam kehidupan seharian agar diri kita sentiasa dipandang tinggi dan dihormati oleh keluarga, guru dan rakan-rakan. Oleh sebab tema ini terkandung dalam sukatan pelajaran, maka dalam aspek penulisan, tema ini mestilah difahami supaya adik dapat memanfaatkan idea-idea yang bernas, relevan dan matang selaras dengan kehendak soalan penulisan dan pemikiran aras tinggi.

TEMA INTEGRITI DALAM KARANGAN

Tema yang terkandung dalam buku teks ini merangkumi beberapa topik dan pengisian yang menarik dan mencabar seperti yang berikut.

(a) Kepentingan nilai tanggungjawab dalam kehidupan
(b) Peranan masyarakat untuk membantu golongan kurang upaya
(c) Tanggungjawab dan amanah dalam bidang pekerjaan
(d) Kejujuran dan komitmen pendidik untuk melahirkan murid yang berketerampilan
(e) Peranan dan tugas utama dalam sesuatu pekerjaan
(f) Sifat amanah dan jujur dalam sesuatu perkara
(g) Kepentingan kerjasama dalam kumpulan
(h) Kepentingan menghargai masa
(i) Gigih dan tekun untuk mencapai kejayaan
(j) Keikhlasan ketika melakukan sesuatu pekerjaan

(k) Kejujuran yang perlu dimiliki oleh setiap orang
(l) Motivasi untuk menggapai kecemerlangan
(m) Akhlak dan sahsiah terpuji pemangkin kejayaan yang berterusan
(n) Kempen antirasuah dalam kalangan masyarakat

Daripada pengisian dan kandungan yang terdapat dalam buku teks seperti yang disenaraikan, soalan penulisan karangan dapat digubal untuk disesuaikan dengan tahap murid di sekolah rendah. Oleh itu, adik hendaklah memahami dan menguasai beberapa tajuk penulisan yang dapat dibincangkan, sama ada dalam bentuk latihan, ujian atau sebarang penilaian dan pentaksiran yang dilakukan di kelas oleh guru.

PERANAN GURU UNTUK MENDIDIK MURID

MENYAMPAIKAN ILMU PENGETAHUAN

MEMBERIKAN NASIHAT, MOTIVASI DAN INSPIRASI

MEMBENTUK DISIPLIN DAN SAHSIAH TERPUJI

MEMBERIKAN TEGURAN KE ARAH PEMBENTUKAN SIKAP YANG POSITIF

KARANGAN CONTOH

Guru merupakan insan yang perlu dihormati dan disanjung tinggi oleh semua murid. Peranan dan tanggungjawab guru pada masa ini amat mencabar. Mereka berperanan dan bertanggungjawab untuk mendidik anak bangsa ke arah kejayaan.

Antara tanggungjawab guru termasuklah mereka diberi amanah untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada semua murid. Hal ini merupakan tanggungjawab utama guru untuk memastikan semua murid memiliki ilmu yang berguna dalam kehidupan.

Selain itu, guru turut berperanan untuk membentuk disiplin dan sahsiah yang terpuji dalam kalangan murid. Setiap murid hendaklah berusaha untuk memiliki disiplin dan sahsiah yang terbaik seperti yang diajarkan dan dibimbing oleh para pendidik bangsa.

Seterusnya, guru berperanan untuk memberikan nasihat, motivasi dan inspirasi ke arah kecemerlangan murid. Segala nasihat dan tunjuk ajar mereka hendaklah diikuti dan dipatuhi kerana mereka menasihati kita agar terus menjadi insan yang berguna kepada keluarga, bangsa dan negara.

Akhir sekali, guru bertanggungjawab untuk memberikan teguran dan mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya kita melakukan kesalahan. Mereka melakukannya dengan penuh keikhlasan dan kejujuran. Mereka ingin melihat anak didik mereka tidak melakukan sebarang tindakan yang merugikan diri sendiri.

Sebagai kesimpulannya, peranan guru amatlah besar dan tanggungjawab yang dipikul hendaklah kita hargai. Guru diumpamakan seperti lilin kerana pengorbanan mereka amat penting dalam konteks pembangunan negara.